



PEJABAT SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA  
BANGUNAN PARLIMEN  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Telefon : 603-2072 3161 / 2601 7391  
Faks : 603-2070 4676 (SUDR)  
Email : sudr@parlimen.gov.my  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my>

*Ruj. Tuan :*

*Ruj. Kami :* ( 6 ) dlm. PAR. 3/398 Jld.4

15 Julai 2021

**Yang Berhormat  
Ahli-ahli Dewan Rakyat**

Yang Berhormat,

**PEMBERITAHU SIDANG KHAS**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri bahawa bagi faedah orang ramai adalah mustahak Majlis mengadakan satu Mesyuarat Khas sebelum tarikh mesyuarat akan datang yang telah ditetapkan mengikut Peraturan 11(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

2. Bagi tujuan tersebut, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dimaklumkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun memberi perkenan untuk YAB Perdana Menteri mengadakan mesyuarat tersebut walaupun Proklamasi Darurat bertarikh 11 Januari 2021 masih berkuat kuasa.

3. Dengan yang demikian, saya dengan ini memberi pemberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Mesyuarat Khas Dewan Rakyat akan diadakan selama **5 hari pada 26, 27, 28 dan 29 Julai 2021 dan 2 Ogos 2021** pada pukul **10.00 pagi** setiap hari di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.

4. Urusan-urusan mesyuarat yang telah ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri adalah seperti berikut:

- (i) membentangkan Proklamasi Darurat bertarikh 11 Januari 2021 [P.U.(A) 7/2021] dan Ordinan-Ordinan Darurat yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat itu mengikut Perkara 150(3), Perlembagaan Persekutuan di

hadapan kedua-dua Majlis Parlimen (*laid before both Houses of Parliament*);

- (ii) membentangkan Proklamasi Darurat (No.2) bertarikh 12 Disember 2020 [P.U.(A)356/2020] (mengenai Pilihan Raya Parlimen P.054 Gerik, Perak) dan Proklamasi Darurat (No.3) bertarikh 12 Disember 2020 [P.U.(A)358/2020] (mengenai Pilihan Raya Negeri N.66 Bugaya, Sabah) dan Ordinan-Ordinan Darurat yang dibuat di bawah Proklamasi-Proklamasi Darurat itu (*laid before both Houses of Parliament*); dan
- (iii) penerangan daripada Menteri-Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat berhubung Pelan Pemulihan Negara, Program Vaksinasi, Pelaksanaan Darurat dan Pakej-Pakej Bantuan Ekonomi.

5. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga telah membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meminta penjelasan dan memberikan pandangan semasa penerangan daripada Menteri-Menteri seperti di perenggan 4(iii). Takwim bagi Mesyuarat Khas Dewan Rakyat ini adalah seperti di **Lampiran**.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**NIZAM MYDIN BIN BACHA MYDIN**

Setiausaha Dewan Rakyat

s.k : **YB Datuk Azhar Azizan Harun**

Yang di-Pertua Dewan Rakyat



TAKWIM PARLIMEN BAGI PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14 (2021)MESYUARAT KHASDEWAN RAKYAT

[Mulai dari 26 Julai hingga 2 Ogos 2021 (5 hari)]

<u>TARIKH</u>	<u>URUSAN MAJLIS</u>	<u>BIL. HARI</u>	<u>CATATAN</u>
<b>Minggu Pertama</b>			
1. Isnin, 26 Julai	Penerangan daripada Menteri-Menteri	4	
2. Selasa, 27 Julai	“		
3. Rabu, 28 Julai	“		
4. Khamis, 29 Julai	“		
<b>Minggu Kedua</b>			
5. Isnin, 2 Ogos	Penerangan daripada Menteri-Menteri	1	
	<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	